



13 JUL, 2025

Projek tenaga hijau lonjak potensi

Sinar Harian, Malaysia



Projek tenaga hijau lonjak potensi

Perdana Menteri mahu penduduk setempat turut nikmati manfaat projek besar di Terengganu

Oleh NORHASPIDA YATIM
HULU TERENGGANU

Projek Loji Solar Terapung Hibrid Hidro (HHFS) dan Hab Hidrogen Hijau yang dilaksanakan di Terengganu dijangka menjadi pemangkin kepada agenda peralihan tenaga negara serta melonjakkan kedudukan negeri itu sebagai hab tenaga bersih serantau.

Inisiatif tersebut merupakan kerjasama antara Petroliaam Nasional Berhad (Petronas), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Terengganu Inc dan ia selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR).

Pelancaran projek itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud, Tasik Kenyir di sini pada Sabtu.

Anwar dalam ucapannya menyambut baik pelaksanaan projek berkenaan yang disifatkan mampu mengubah landskap tenaga negara serta menarik lebih ramai

pelabur strategik ke Malaysia.

Beliau turut menekankan kepentingan memastikan manfaat projek besar itu turut dinikmati penduduk setempat, khususnya generasi muda di Kuala Berang dan Terengganu.

"Saya minta supaya ada usaha khusus TNB dan Petronas, bersama kementerian berkaitan seperti Kementerian Pendidikan, Pendidikan Tinggi, Sumber Manusia dan Kerajaan Negeri Terengganu, untuk mengadakan beberapa program latihan khas.

"Saya nak pastikan supaya anak Kuala Berang sendiri dipilih untuk diberi latihan. Projek besar di sini takkanlah anak-anak kita hanya buka restoran kecil atau jadi tukang pembersih.

"Itu penting, tapi eloklah dirancang satu kuota khas supaya mereka turut dilatih dan diberi peluang. Saya harap perkara ini dapat disegerakan," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, projek HHFS Kenyir merupakan sebahagian daripada inisiatif solar-hidro hibrid berkapasiti 2.5 gigawatt (GW) bagi memaksimumkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui.

"Loji hidro ini turut berfungsi sebagai sistem simpanan tenaga fleksibel yang menyimpan air pada waktu puncak dan melepaskannya pada waktu luar puncak bagi menstabilkan grid nasional.

"Kerjasama strategik ini menjadi tunjang kepada usaha penyahkarbonan dan menyokong aspirasi negara di bawah NETR dan HETR," katanya.



Projek perintis HHFS di Empangan Tasik Kenyir mempunyai kapasiti 100 kilowatt (kW) meliputi keluasan 1,085 m² dengan 220 panel solar.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz pula berkata, sinergi antara Petronas dan TNB akan membentuk ekosistem tenaga yang mampan serta memacu daya saing negara dalam sektor tenaga hijau.

"Kerjasama ini menggabungkan kekuatan Petronas dalam sektor minyak dan gas serta kepakaran TNB dalam bidang utiliti tenaga.

"Dengan kemudahan sedia ada seperti elektroliser hidrogen, loji derivatif dan fasiliti penangkapan, penggunaan dan

penyimpanan karbon (CCUS) di Kertih, projek ini bakal menyokong perdagangan tenaga rentas sempadan dan pengukuhan Grid Kuasa Asean," ujarnya.

Hab Hidrogen Hijau yang akan dibangunkan dalam Koridor Kenyir-Kertih dijangka menjadi projek berskala besar pertama seumpamanya di Malaysia.

Ia merangkumi penjanaan tenaga boleh diperbaharui, pengeluaran hidrogen hijau serta derivatif seperti metanol dan ammonia hijau, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam industri tenaga global.